



Universiti Malaysia
KELANTAN

**BENTUK DAN MAKNA PERGERAKAN TARIAN WAU BULAN
DI JKKN, KELANTAN**

CFT 4134

PROJEK PENYELIDIKAN

PENULISAN BAB 1,2,3,4 Dan 5

NAMA : SITI NURSAHFIZAH BINTI MOHD NOR ASRIN

NO MATRIK : C19B0887

PENSYARAH PEMBIMBING : DR INDRA UTAMA

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PENGHARGAAN

Melalui peluang ini saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat ilahi dengan kesempatan yang telah dikurnia-Nya pada saya hingga saya dapat menyelesaikan tugas ini dengan sempurna. Walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan rintangan, dengan kekuatan yang diberikan oleh Allah, saya dapat menyempurnakan tugas ini. Alhamdulillah.


Dengan rendah diri, saya Siti NurSahfizah Binti Mohd Nor Asrin ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu saya dengan memberikan sokongan moral kepada saya untuk menyiapkan tugas yang diberikan ini. Penghargaan ini saya berikan kepada pihak terutama yang membantu saya iaitu, Dr. Indra Utama selaku pensyarah pembimbing saya yang tidak putus-putus memberikan tunjuk ajar dan ilmu kepada saya selama saya menuntut pembelajaran bersamanya. Segala bimbingan dan tunjuk ajar telah beliau berikan kepada saya agar saya dapat menyiapkan tugas ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang banyak membantu saya untuk mendapatkan maklumat dalam tugas ini sehingga saya mampu menyelesaikannya selama tempoh yang telah diberikan. Ucapan ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada kedua ibu bapa sayayang juga menjadi salah satu penyemangat saya Ketika menyiapkan tugas ini. Kepada ayahanda saya, Mohd Nor Asrin Naim Lim dan ibunda saya Azmah Aziz yang telah berkorban masa dan wang untuk saya agar dapat memberikan yang terbaik dalam tugas ini.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang telah terlibat, yang mana telah memberikan semangat, sokongan, dan bantuan


kepada saya sepanjang saya menyiapkan tugas ini. Tanpa jasa mereka semua, saya tidak akan mampu menyiapkan tugas ini dengan sempurna. Sekian Terima Kasih.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

ISI KANDUNGAN

| Perkara | Muka surat |
|--|-------------------|
| Penghargaan | i-ii |
| Isi Kandungan | iii-iv |
| Abstrak | v |
| Bab I : PENDAHULUAN | |
| 1.0 Pengenalan | 1-2 |
| 1. Latar Belakang Kajian | 2-14 |
| 2. Permasalahan Kajian | 15-16 |
| 3. Objektif Kajian | 16-17 |
| 4. Skop Kajian | 17 |
| 5. Kepentingan Kajian | 17-19 |
| 6. Kesimpulan | 19 |
| Bab II : SOROTAN KAJIAN | |
| 2.0 Pengenalan | 20 |
| 2.1 Sorotan Kajian Lepas | |
| 2.1.1 BUKU DIGITAL “APA ITU MELAYU” | 21-22 |
| 2.1.2 BLOG RASMI “PEMETAAN BUDAYA” | 22-23 |
| 2.1.3 AKHBAR DIGITAL KOSMO “JANGAN BIAR SENI BUDAYA KELANTAN DITELAN ZAMAN” | 23-25 |
| 2.1.4 ARTIKEL “BUSANA TARIAN TRADISIONAL MELAYU” | 25-26 |
| 2.1.5 JURNAL – Learning Strategies Based On The Approach | 26-27 |
| Of Modelling by The Coach In Internalization Process Of Wau Bulan Folk Dance. | |
| 2.1.6 JURNAL – PRESERVING THE DIVERSITY OF TRADITIONAL DANCE IN MALAYSIA THROUGH APPRECIATION OF THE ART OF EARLY CHILDHOOD EDUCATION | 27-28 |
| 2.1.7 SLIDESHARE – WAU PERMAINAN TRADISIONAL | 28-29 |
| RAKYAT MALAYSIA SEPANJANG ZAMAN | |
| 2.1.8 ARTIKEL BLOG – KAUM PENAN | 29-30 |

| | | |
|--|--|-------|
| 2.1.9 | AKHBAR ARTIKEL – BERITA HARIAN “UUM RAIH ANUGERAH PEMBENTANGAN TERBAIK” | 30-31 |
| 2.1.10 | ARTIKEL “JENIS-JENIS TARIAN MASYARAKAT DI MALAYSIA” | 31-33 |
| 2.2 | Kesimpulan | 33 |
| BAB III : METODOLOGI KAJIAN | | 34-36 |
| BAB IV : ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN | | |
| 4.1 | Pendahuluan | 37 |
| 4.2 | Analisis Data dan Dapatan Kajian | 38-51 |
| 4.3 | Kesimpulan | 51 |
| BAB IIV : PENUTUP | | |
| 5.1 | kesimpulan | 52 |
| 5.2 | cadangan | |
| 5.2.1 | Individu | 52-53 |
| 5.2.2 | Masyarakat | 53 |
| 5.2.3 | Universiti | 54 |
| 5.2.4 | Kerajaan | 54-55 |

ABSTRAK

Tarian Wau Bulan merupakan salah satu tarian rakyat yang pada masa kini masih lagi popular di kalangan masyarakat terutamanya di negeri Kelantan. Tarian ini menjadi simbol kepada masyarakat di Kelantan kerana ianya merupakan salah satu bentuk budaya masyarakat Kelantan yang hidup sejak zaman dahulu lagi. Tarian Wau Bulan yang menjadi rujukan kepada masyarakat luar yang ingin lebih mengenali warisan budaya yang ada di negeri Kelantan.

Negeri Kelantan suatu ketika dahulu pernah mengharamkan segala bentuk persembahan untuk dipertontonkan kepada masyarakat dalam undang-undang negeri. Hal ini telah menarik minat kajian ini dilakukan untuk melihat sejauh mana perubahan yang berlaku dalam seni persembahan yang berkaitan dengan tarian di negeri Kelantan setelah undang-undang tersebut wujud. Tarian Wau Bulan menjadi bahan yang di rujuk serta bentuk dan makna dalam pergerakan tarian Wau Bulan menjadi topik yang akan dibincangkan dalam kajian. Tujuan kajian ini mengambil bentuk dan makna dalam pergerakan menjadi topik kajian kerana ianya merupakan salah satu elemen yang dapat dilihat sekiranya berlaku perubahan yang dapat di signifikan.

Kata kunci : bentuk, makna, pergerakan, tarian, seni persembahan

BENTUK DAN MAKNA PERGERAKAN TARIAN WAU BULAN DI JKKN, KELANTAN

PENDAHULUAN

BAB 1

1.0 Pengenalan

Tarian menurut definisi dari segi bahasa ialah sejenis pergerakan yang dilakukan oleh tubuh badan dan bergerak mengikut irama dan rentak lagu.¹ Manakala menurut definisi tokoh Curt Sachs, seorang ahli sejarah tarian dan muzik Jerman mengatakan tarian merujuk kepada gerakan yang berirama.² Tarian juga diketahui sebagai cara manusia mengekspresikan perasaan melalui gerak-geri berirama yang indah. Merujuk kepada ahli diatas, dapat dinyatakan bahawa tarian merupakan pergerakan tubuh badan manusia yang bergerak diiringi oleh muzik. Oleh yang demikian, tarian tradisional juga mempunyai definisi yang serupa dengan definisi yang nyatakan oleh para ahli. Selain daripada itu, Malaysia mempunyai beberapa jenis tarian perlu diketahui, contohnya tarian tradisional, tarian popular, tarian istana, dan tarian rakyat.

Tarian tradisional merupakan sejenis tarian yang telah lama wujud dan masih lagi dipersembahkan oleh masyarakat sehinggalah ke hari ini. Tarian tradisional di Malaysia boleh dibahagikan mengikut bangsa, kaum, ataupun tempat dimana tarian tersebut mula diperkenalkan. Selain daripada itu, tarian tradisional juga menjadi lambang kebudayaan dan kesenian yang terdapat di negeri tersebut. Contoh seperti negeri Kelantan, yang merupakan salah satu negeri di Malaysia yang mempunyai banyak jenis tarian tradisional yang menjadi warisan budaya di negeri tersebut. Setiap tarian tradisional sudah

¹ <https://www.scribd.com/document/400125689/Tarian-Tradisional-docx> Kamus Dewan bahasa Edisi Ketiga

² Idem

semestinya mempunyai bentuk dan makna pergerakan yang ditarikan di dalam tarian yang memberikan penerangan dan maksud yang cuba disampaikan dalam tarian tersebut.

Bentuk dan makna merujuk kepada sesuatu perkara yang mempunyai sifat dan melalui sifat tersebut dapat memberikan penerangan kepada sesuatu benda, perkataan, mahupun perbuatan. Bentuk dalam tarian boleh disebut sebagai koreografi yang menjadi asas kepada semua jenis tarian. Menurut encyclopedia.com (2018) koreografi merujuk kepada bentuk tugas dalam seni tarian yang mengembangkan idea dalam tatacara persembahan yang telah ditetapkan oleh juru tari.³ Bentuk yang dimaksudkan oleh koreografi ialah pergerakan dan langkah yang dilakukan oleh tubuh badan dalam tarian. Koreografi adalah asas utama dalam tarian yang menjadi pengerak kepada tarian tersebut. Makna dalam tarian merujuk kepada apa yang disampaikan dalam bentuk tarian yang ditarikan. Setiap koreografi yang dicipta semestinya mempunyai makna bagi menjelaskan maksud dan sejarah tarian tersebut.

1.1 Latar Belakang Kajian


Malaysia merupakan negara yang kaya dengan kepelbagaian warisan budaya ketara dan tidak ketara. Warisan budaya merujuk kepada tradisi ataupun produk yang menjadi peninggalan masyarakat terdahulu untuk generasi masa kini. Menurut Davidson (1991:2) warisan budaya didefinisikan sebagai 'produk atau hasil budaya fizik yang wujud melalui tradisi dan adat spiritual melalui aktiviti masyarakat zaman dahulu yang menjadi kepercayaan suatu masyarakat atau bangsa⁴. Contoh warisan budaya ketara seperti bangunan bersejarah, artifak, dan senjata tradisional. Manakala warisan budaya tidak ketara adalah seperti bahasa, makanan, permainan, dan tarian. Salah satu bentuk

³ <https://www.encyclopedia.com/literature-and-arts/performing-arts/dance/choreography> (2018)

⁴ BUDAYA LOKAL SEBAGAI WARISAN BUDAYA DAN UPAYA PELESTARIANNYA*). Agus Dono Karmadi (Kepala Subdin Kebudayaan Dinas P dan K Jawa Tengah) ms 1-6

warisan budaya tidak ketara ialah tarian Wau bulan atau lebih dikenali sebagai tarian Cik Siti Wau Bulan.

Menurut Wikipedia, Negeri Kelantan terletak di pantai timur Malaysia yang mempunyai keluasan sehingga 14,922 km dan bersempadan dengan Narathiwat, Thailand.⁵ Salah satu bangsa yang mendominasi kependudukan di negeri Kelantan ialah bangsa Melayu. Menurut (Ismail Hussein,1994) istilah melayu adalah meluas dan tidak mempunyai maksud yang spesifik. Bangsa melayu pada zaman dahulu bagi bangsa barat dikenali sebagai bahasa dan suku yang merangkumi semua bangsa serumpun di Nusantara⁶. Namun begitu, seiring perubahan zaman, banyak bangsa-bangsa lain yang telah berhijrah masuk ke negeri Kelantan dan seluruh semenanjung Tanah Melayu. Warisan budaya di Malaysia yang diketahui pada masa kini adalah didominasi daripada peninggalan kaum melayu. Namun begitu, terdapat juga warisan budaya daripada kaum lain yang masih lagi boleh dilihat pada masa kini.



Peta Kelantan

Sumber : google

⁵ <https://ms.wikipedia.org/wiki/Kelantan>

⁶ Ismail Hussein, 1994. "Bangsa Melayu" ORANG MELAYU KELANTAN DARI SUDUT BUDAYA DAN PERSPEKTIF SEJARAH LAMPAU. Haziya Hussain, JEBAT 31 (2004) ms 15-38

Warisan budaya bukan sahaja menjadi peninggalan tradisi zaman dahulu, namun di zaman yang serba moden ini warisan budaya juga boleh digunakan dalam pelbagai aspek negara seperti aspek ekonomi. Salah satu aspek ekonomi yang berasaskan warisan budaya ialah pelancongan budaya. Seperti yang diketahui, aktiviti pelancongan adalah salah satu penyumbang kepada ekonomi negara. Menurut Yahaya Ibrahim, 2008 bentuk budaya masyarakat tempatan yang unik dan beraneka yang merangkumi adat, cara berpakaian, kepercayaan, gaya hidup dan agama adalah aspek penting dalam konteks pasaran pelancongan negara.⁷ Aktiviti pelancongan yang terdapat di Malaysia bukan sahaja tertumpu kepada keindahan muka bumi dan tempat-tempat menarik, namun warisan budaya dan tempat bersejarah juga turut menjadi tarikan kepada aktiviti pelancongan. Sama halnya dengan negeri Kelantan, warisan budaya dijadikan sebagai salah satu tarikan pelancong kerana negeri Kelantan adalah salah satu negeri yang sehingga kini masih lagi mengekalkan aktiviti kebudayaan seperti makanan, tarian, permainan, dan pameran bersejarah.

Tarian Wau Bulan adalah termasuk dalam seni persembahan yang popular di Malaysia. Seni persembahan merupakan salah satu aspek penting dalam warisan budaya kerana terdapat banyak jenis persembahan tradisional yang terkandung dalam seni persembahan yang boleh dipelajari. Di zaman yang serba moden ini, seni persembahan kurang mendapat perhatian daripada generasi muda kerana kebanyakan daripada mereka kurang berminat dalam menceburi dalam bidang seni persembahan. Generasi masa kini lebih tertarik dengan hiburan yang wujud seiring dengan zaman mereka. Menurut Ibid, 2006, corak budaya masyarakat boleh berubah seiring dengan perubahan zaman yang

⁷ Yahaya Ibrahim, 2008. Persepsi Komuniti Tempatan Terhadap Pelancongan Budaya di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia Perceptions of Local Community toward Cultural Tourism in Northern Peninsular of Malaysia. Ahmad Tharmizzie, Mat Jusoh, Jabil Mapjabil, Ruzanna Syamimi Ramli, Mohamad Pirdaus Yusoh. PROSIDING PERKEM VI, JILID 2 (2011) 459 – 466

menyebabkan pengaruh budaya luar dapat masuk dalam kehidupan masa kini.⁸ Namun begitu, tarian Wau Bulan masih lagi dapat dinaikkan sekiranya ada usaha yang dilakukan oleh mana-mana pihak yang berkaitan. Hal ini kerana, gerakan dalam tarian Wau Bulan adalah umum dan mudah untuk dilakukan.

Sejarah tarian Wau Bulan diketahui bermula di Kawasan pantai Timur Malaysia iaitu Kelantan dan Terengganu. Tarian ini pada mulanya ditarikan sebagai hiburan oleh kanak-kanak dalam menyambut musim menuai. Kanak-kanak akan datang ke sawah padi dan memainkan permainan wau untuk menunjukkan kegembiraan mereka dalam menyambut musim menuai. Seperti yang kita ketahui, padi merupakan sumber makanan utama bagi masyarakat kita ada suatu ketika dahulu. Pada masa kini, padi juga masih menjadi sumber makanan utama untuk negara dalam menghasilkan beras. Masyarakat zaman dahulu sangat bergantung hidup pada hasil sawah padi dan segala hasil keperluan hidup mereka kebanyakannya berasal daripad padi. Oleh sebab itu, tidak heranlah sekiranya masyarakat dahulu sangat ternanti-nantikan kehadiran musim menuai kerana bagi mereka itulah masa yang sesuai untuk mereka mendapatkan hasil daripada keperluan mereka. Menurut Mohd. Kasri bin Saidon (2008) mengikut mitos di Jawa, Thailand, Jepun dan Malaysia padi dianggap mempunyai “roh wanita”. Padi dipercayai sebagai gambaran kepada sosok wanita yang cantik, muda, berkulit putih dan menarik. Namun berbeza dengan negara China, padi dikaitkan dengan cerita mengenai seekor anjing yang mana diekornya terdapat butiran benih padi yang telah menyelamatkan masyarakat daripada situasi kelaparan yang melanda Kawasan masyarakat di China.⁹ Oleh yang demikian, kita dapat mengetahui bahawa betapa pentingnya padi terhadap masyarakat

⁸ Ibid, 2006. Perkembangan Budaya Populer dan Perubahan SosioBudaya Masyarakat Pasca Moden: Adaptasi Budaya Asing Dalam Perkahwinan Melayu. Shaliza Binti Dasuki. ICOMHAC2015 eproceedings 16-17 Disember 2015,ms 38.

⁹ Mohd. Kasri bin Saidon (2008) Piama dan Petua Tradisi: Ilmu Menanam Padi Masyarakat Melayu di Utara Semenanjung Malaysia, RAHIMAH BINTI A. HAMID, Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation Rahimah A. Hamid 28(2) (2010): 211 - 233

dahulu. Tidak hairanlah sekiranya sejarah mengatakan bahawa tarian Wau Bulan tercipta daripada keadaan masyarakat dahulu yang sedang bergembira menyambut musim menuai.



Permainan Wau di sawah padi

Sumber : <http://wnazmister2008.blogspot.com/2016/04/catatan-xviii-ke18-permainan-zaman-dulu.html> (google)

Tarian wau bulan merupakan tarian rakyat yang popular di negeri Kelantan. Tarian ini sering ditarikan di festival ataupun majlis rasmi di Kelantan. Definisi Tarian rakyat adalah satu bentuk tarian yang dibangunkan oleh sekelompok orang yang mencerminkan kehidupan tradisional negara atau rantau tertentu. Tarian rakyat mewakili bentuk tarian rakyat biasa berbanding dengan golongan kelas atas.¹⁰ Tarian Wau Bulan menjadi tarian rakyat rasmi di Kelantan kerana sejarah kewujudannya yang bermula di Pantai Timur terutamanya dibahagian Kelantan. Rakyat Kelantan menjadikan tarian ini sebagai salah satu tarian yang menjadi indentiti negeri mereka untuk mengenalkan budaya mereka kepada orang luar. Tarian wau bulan turut mendapat banyak perhatian

¹⁰ <https://ms.eferrit.com/tarian-rakyat-definisi-dan-gaya/>

daripada luar dan dalam kerana keunikkan gerak-geri dan lagu yang digunakan semasa tarian ini dipersembahkan.



Tarian Cik Siti Wau Bulan

Sumber : <http://kelabkebudayaansmks.blogspot.com/2010/04/tarian-wau-bulan.html>

(google)

Kewujudan tarian Wau Bulan dipercayai menurut sejarah bermula dikawasan Pantai Timur Malaysia yang sedang mengalami musim menuai. Kanak-kanak pada masa itu sedang bergembira menyambut musim menuai dan mereka menyalurkan kegembiraan mereka dengan bermain wau Bulan di Kawasan tanaman padi. Seperti yang diketahui, padi merupakan salah satu sumber makanan yang penting bagi masyarakat di Malaysia sejak zaman dahulu lagi. Manakala aktiviti bercucuk tanam merupakan salah satu aktiviti seharian yang dilakukan oleh masyarakat dahulu oleh yang demikian tidak heranlah sekiranya kanak-kanak zaman dahulu sangat gembira apabila menyambut musim menuai. Melalui permainan wau Bulan, maka terciptalah gerakan dalam tarian Wau Bulan yang akan ditarikan setiap kali menyambut musim menuai.¹¹

¹¹ <https://pemetaanbudaya.my/culture/dis/268> Pemetaan Budaya oleh JKKN Kelantan.

Keindahan dalam gerakan tarian Wau Bulan turut menjadi tarikan dalam tarian ini. Gerakan tarian Wau Bulan diketahui mempunyai pengaruh daripada permainan tradisional yang amat popular di Malaysia sewaktu Ketika dahulu. Permainan Wau Bulan merupakan salah satu warisan budaya tidak ketara di Kelantan yang telah banyak mendapatkan pengiktirafan daripada pelbagai pihak. Sebagaimana dengan permainan Wau Bulan, tarian Wau Bulan juga mempunyai keunikkan dan keistimewaannya tersendiri terutamanya dari segi bentuk gerakan dan makna yang ada disebalik gerakan tarian Wau Bulan.

Pergerakan merupakan satu aspek penting dalam tarian. Setiap tarian memerlukan pergerakan bagi mewujudkan satu persembahan yang sempurna dan disesuaikan dengan lagu dan cerita yang dibawa dalam tarian tersebut. Tubuh badan merupakan komponen yang penting dalam melakukan pergerakan ataupun koreografi yang telah diciptakan mengikut kesesuaian dalam tarian tersebut. Dalam tarian tradisional, koreografi yang dilakukan selalunya dipengaruhi oleh alam semula jadi ataupun daripada aktiviti seharian yang dilakukan oleh masyarakat terdahulu. Namun begitu, terdapat juga koreografi yang diciptakan mengikut kesesuaian hiburan masyarakat bagi menarik perhatian mereka untuk melihat persembahan tarian tersebut. Menurut Asmad 1990, bagi mendapat apresiasi, hasil seni sudah semestinya harus mempunyai unsur-unsur keindahan, kebenaran dan kebaikan terhadap manusia dan masyarakat. Oleh yang demikian, unsur-unsur perlu digabungkan agar dapat memberi manfaat kepada manusia dan masyarakat. Cara inilah yang digunakan zaman dahulu untuk menaikkan taraf sesuatu seni.¹² Dalam tarian Wau Bulan, gerakan tarian tersebut adalah dipengaruhi oleh gerakan dalam permainan Wau Bulan. Pergerakan dalam tarian Wau Bulan adalah berasal daripada

¹² Asmad, 1990. GEOMETRI DALAM TARIAN ZAPIN (GEOMETRY IN ZAPIN DANCE) Wan Muhammad Afiq. December 2018, Vol. 2, Issue. 2, p. 331-342 ISSN 2590-4213 e-ISSN 2590-4310. Published by Malay Arts, Culture and Civilization Research Centre, Institute of the Malay World and Civilization. Ms 333.

gerakan semasa memainkan Wau Bulan yang ditukarkan kepada gerakan tarian dan disesuaikan dengan iringan muzik.

Melalui sejarah, dapat diketahui bahawa tarian Wau Bulan mempunyai pengaruh daripada permainan tradisional Wau Bulan. Rakyat Kelantan pada zaman dahulu sangat sinonim dengan permainan tradisional Wau Bulan. Permainan ini telah menjadi salah satu warisan budaya daripada rakyat Kelantan sejak dahulu lagi dan juga menjadi salah satu permainan tradisional Malaysia yang sangat popular. Salah satu kaedah kerajaan Kelantan untuk mengekalkan permainan Wau Bulan untuk terus dimainkan oleh generasi muda masa kini adalah dengan mengadakan Pesta Wau Antarabangsa yang dipertanggungjawabkan oleh Tourism Information Centre, TIC yang berperanan menjayakan Pesta Wau Antarabangsa ini.¹³



Permainan Wau Bulan

Sumber : <https://convergence.malaysiaairports.com.my/destinations/wau-indeed>

(google)

¹³ PERANAN TOURISM INFORMATION CENTRE (TIC) DALAM MEMPROMOSIKAN PESTA WAU ANTARABANGSA 2012. SITI NURFARAWAHIDA BINTI ABDUL RAHIM. Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (2013) ms 12-24

Selain daripada pengaruh permainan Wau Bulan, tarian Wau Bulan turut ditarikan dengan iringan muzik daripada lagu tradisional Wau Bulan. Lagu Wau Bulan dikenali sebagai salah satu lagu tradisional yang seringkali dipersembahkan dalam persembahan dikir barat di Kelantan. Alunan lagu dan liriknya yang unik menjadi tarikan kepada lagu ini untuk disukai oleh semua golongan masyarakat. Lagu Wau Bulan menjadi salah satu muzik tradisional yang popular di Malaysia. Lagu Wau Bulan bukan sahaja popular di dalam negara malahan turut popular di luar negara. Untuk menghasilkan sebuah lagu yang baik, alat muzik diperlukan untuk mengiringi sepanjang tempoh lagu dimainkan. permainan lagu. Menurut Bartholomiew (1942), tiga aspek yang perlu ada sekiranya ingin alat muzik menghasilkan isyarat bunyi ialah alat yang bergetar, alat untuk mengalihkan getaran.¹⁴ dalam lagu Wau Bulan, alat muzik yang digunakan ialah gendang dan gambus. Keindahan dan keunikan lagu Wau Bulan yang asyik ceria menunjukkan bahawa budaya masyarakat dahulu adalah harmoni. Buktinya, lagu Wau Bulan pernah dipersembahkan oleh sekumpulan pemuzik daripada Toronto, Kanada iaitu VIVA Singer Toronto yang mempersembahkan lagu ini melalui saluran Youtube mereka.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

¹⁴ Bartholomiew 1942. Pemetaan dan Pengelompokan Isyarat Akustik Alat Muzik Tradisional Melayu Menggunakan Kaedah Analisis Isyarat Statistik. Abdul Rahim Bahari. Jurnal Kejuruteraan 25(2013): 33-38.

Lirik Lagu Wau Bulan (Wau Bule)

Wau
wau bule
wau bule...teraju tigo

ala ewa....
ewa bule...
ewa bule...
teraju tigo...

Ooo..
maaf la cik sedaro-daro ini male..
hak salah silap sedaro jge sipe tarah dale dado...

ala ewa....
ewa bule...
ewa bule...
teraju tigo...

antara hidup dan jgk kehidupe...
ai hari esok ada syurgo ada nerako...

ala ewa....
ewa bule...
ewa bule...
teraju tigo...

ai...dari situ jge lupo perintah tuhe..
lima waktu sekaro2 jge di lupo...

ala ewa....
ewa bule...
ewa bule...
teraju tigo...

a...mugo kito ni gak samo isle...
kalu silap jge la duk mase muka...

Lirik lagu Ewah Bulan

Sumber : <https://www.scribd.com/doc/236012326/Lirik-Lagu-Wau-Bulan>

(google)

Dalam aspek tarian, busana merupakan salah satu item penting yang perlu ada bagi menghasilkan pertunjukkan yang menarik dalam satu persembahan. Busana dalam tarian juga digunakan bertujuan bagi membezakan tarian yang dipersembahkan dengan tarian yang lain dan memberikan nilai tambahan dalam tarian tersebut. Selain daripada gerak tari dan muzik, busana juga menjadi tarikan kepada penonton semasa melihat persembahan tarian. Kebanyakannya, busana yang digunakan oleh penari dalam sesebuah tarian memberikan maksud yang berkaitan dengan sejarah dalam tarian tersebut. Sama seperti tarian Wau Bulan, busana yang digunakan oleh penari adalah melambangkan identiti masyarakat melayu zaman dahulu. Busana yang digunakan penari dalam tarian Wau Bulan adalah sesuai dengan sejarah terciptanya tarian tersebut iaitu penari lelaki yang memakai pakaian seperti kaum lelaki yang melakukan aktiviti di sawah padi dan penari perempuan yang memakai pakaian baju kurung yang umum dengan pakaian kaum

pada zaman dahulu. Namun dengan seiringnya perubahan zaman, busana dalam tarian ini telah mengalami sedikit penambahan seperti hiasan pada baju dan aksesori bagi menambahkan lagi keunikkan pada tarian Wau Bulan.



Busana penari tarian Wau Bulan

Sumber : <https://ms-my.facebook.com/jkkn.kelantan/posts/tahukah-andatarian-wau-bulan-merupakan-sebuah-tarian-melayu-tradisional-dari-neg/1392906597499545/> (google)

Tarian Wau Bulan bukan sahaja boleh dijadikan sebagai persembahan warisan budaya namun juga boleh dijadikan sebagai salah satu aktiviti dalam pembelajaran kanak-kanak di sekolah. Pergerakan dalam tarian Wau Bulan yang umum dan mudah untuk diaplikasikan dapat memudahkan kanak-kanak untuk menarikan tarian ini. Selain itu, memberikan pendedahan kepada kanak-kanak mengenai tarian rakyat merupakan salah satu kaedah yang baik dalam memperkasakan lagi seni persembahan dalam kalangan generasi muda. Pendidikan merupakan usaha yang menciptakan dan mengembangkan kepribadian dan kebolehan bagi mendorong kanak-kanak berkelakuan atas kesedaran, keinginan dan tanggungjawab mereka sendiri.¹⁵ Apabila pihak sekolah memberikan pendedahan awal mengenai seni persembahan di peringkat awal persekolahan, maka

¹⁵ Bimbingan dan Kaunseling di Taman Kanak-Kanak. Dr. Ahmad Sumanto, M. Pd. PRENADAMEDIA GROUP . 2015. Ms 1.

kanak-kanak akan lebih mudah mengesan bakat mereka dan memupuk minat mereka untuk menceburi diri dalam bidang seni persembahan. Tarian Wau Bulan adalah salah satu tarian yang sesuai untuk dijadikan pembelajaran pertama untuk mereka mempelajari tarian dalam seni persembahan.

Selain daripada melakukan persembahan di festival dan acara warisan budaya, tarian Wau Bulan juga diketahui pernah dipersembahkan di luar negara dan mendapatkan penghargaan dan pengiktirafan daripada pihak luar. Cara ini amat efektif untuk menaikkan lagi nama seni persembahan Malaysia dan memperkenalkan tarian Wau Bulan kepada masyarakat luar. Keunikan dalam tarian Wau Bulan membuktikan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang kaya dengan warisan budaya dan mempunyai pelbagai tradisi yang boleh dipelajari. Kejayaan rakyat Malaysia yang memperkenalkan seni persembahan melalui Tarian Wau Bulan perlu diapresiasi kerana telah membuka minda masyarakat kita bahawa seni persembahan boleh memberikan kejayaan dan menjadi satu bidang kerjaya yang baik untuk masa depan.

Kelantan adalah salah satu negeri yang diketahui masih lagi giat dalam melakukan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan warisan budaya. Negeri Kelantan seringkali diketahui mengikutsertakan warisan budaya mereka dalam mana-mana persembahan festival ataupun acara rasmi yang dianjurkan. Masyarakat Kelantan juga menjadikan warisan budaya mereka sebagai salah satu mata pencarian mereka dan sedaya upaya menaikkan warisan budaya mereka untuk lebih dikenali oleh pihak luar. Salah satu contoh yang dapat kita lihat ialah Gelanggang Seni di Kelantan. Tempat kesenian yang diketahui seringkali melakukan pertunjukkan seni budaya Kelantan ialah Gelanggang Seni yang menjadi salah satu tempat yang wajib untuk dilawat oleh pelancong asing mahupun dalam negara. Menurut Wikipedia, Gelanggang seni merupakan pusat pertunjukan persembahan warisan seni budaya negeri Kelantan yang memberi peluang kepada masyarakat yang

cintakan seni warisan untuk menyaksikan persembahan seni warisan tersebut. Antara seni persembahan yang sering ditampilkan di Gelanggang Seni adalah seperti dikir barat, Rebana Ubi, Wau Bulan dan permainan gasing.¹⁶



Gelanggang Seni, Kelantan

Sumber : <http://mancekak.blogspot.com/2010/01/gelanggang-seni.html> (google)

Antara pihak yang masih lagi mempopularkan tarian ini ialah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kelantan (JKKN). JKKN ialah salah satu pihak yang bertanggungjawab menjaga dan mengekalkan kebajikan warisan budaya terutamanya dari segi seni persembahan. Tarian Wau Bulan yang ada di JKKN Kelantan adalah salah satu yang masih lagi aktif dalam mempersembahkan tarian ini. Mereka juga mempunyai penari-penari yang berbakat dan mempunyai pengetahuan yang tinggi berkaitan dengan tarian ini. Pihak daripada JKKN seringkali diketahui mempersembahkan tarian Wau bulan dalam mana-mana persembahan kebudayaan untuk mempopularkan tarian rakyat ini. Selain daripada itu, pihak JKKN turut sering melakukan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kebudayaan seperti festival dan bengkel kesenian sebagai salah satu kaedah untuk melestarikan tarian rakyat dan warisan budaya Kelantan yang lain.

¹⁶ https://ms.wikipedia.org/wiki/Gelanggang_Seni



Bangunan JKKN Kelantan

Sumber : <http://www.jkkn.gov.my/ms/hubungi-kami> (google)

1.2 Permasalahan kajian

Tarian Wau Bulan merupakan tarian rakyat yang popular dalam kalangan masyarakat di Kelantan. Pergerakan tariannya yang asyik dan rancak dalam persembahan tarian turut menarik perhatian masyarakat untuk lebih mengenali tarian ini dengan lebih mendalam. Namun begitu, tidak banyak pengetahuan yang membincangkan mengenai bentuk gerakan yang terdapat dalam tarian Wau Bulan. Bentuk menurut Keunikkan dalam seni gerakan tarian Wau Bulan mempunyai pengaruh daripada permainan Wau Bulan yang diaplikasikan dalam bentuk gerakan tarian menggunakan konsep permainan Wau Bulan itu sendiri.

Selain daripada itu, apabila mempunyai bentuk maka sudah semestinya mempunyai makna daripada bentuk tarian itu. Definisi daripada makna belum dapat

dinyatakan dengan tepat walaupun kajian yang dilakukan untuk mencari pengertian telah dilakukan sejak dahulu lagi oleh ahli-ahli falsafah namun masih lagi belum dapat ditentukan hasil yang tepat. Menurut Ainon Muhammad dan Abdullah Hassan (2005:128),¹⁷Dalam konsep tarian, makna akan diambil dari segi bentuk gerakan tarian yang dilakukan. Apabila ada bentuk maka akan ada makna disebalik gerakan tarian itu yang boleh dihuraikan. Pengetahuan mengenai makna dalam bentuk gerakan tarian Wau Bulan yang mempengaruhi kajian ini dilakukan.

Seterusnya, minimnya sumber yang menghuraikan bentuk dan makna pergerakan dalam tarian Wau Bulan mendorong kepada untuk menghasilkan penulisan kajian ini bagi memberikan pendedahan tentang bentuk dan makna pergerakan tarian Wau Bulan. Kajian perlulah dilakukan bagi menambahkan sumber yang berkaitan untuk memudahkan mendapatkan bahan rujukan.

1.3 Objektif kajian

Dalam kajian ini, terdapat tiga objektif sebagai langkah-langkah yang dilakukan untuk mencapai tujuan. Objektif yang pertama ialah, pengkaji mengenalpasti tajuk kajian terlebih dahulu dengan mencari sumber data yang berkaitan dengan tajuk kajian dan melakukan pembacaan bagi mendapatkan data. Setelah itu, pengkaji akan membuat ulasan terhadap sumber data yang didapati melalui pembacaan untuk menyelesaikan penulisan dalam bab 2. Apabila pengkaji telah selesai melakukan pembacaan dan menulis ulasan, pengkaji telah melakukan tinjauan ke lokasi kajian untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas mengenai. Di lokasi kajian, pengkaji mencari seorang informan yang

¹⁷ http://studentsrepo.um.edu.my/3294/5/Bab_2.pdf Ainon Muhammad dan Abdullah Hassan

(2005 : 128)

mempunyai pengetahuan terhadap tajuk kajian untuk ditemu bual dan mendapatkan data daripada informan tersebut. Selain itu, pengkaji juga turut melakukan pemerhatian terhadap aktiviti yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dilakukan di lokasi kajian untuk mendapatkan data.

Seterusnya, objektif yang kedua ialah, menganalisis data berkaitan dengan topik kajian. Setelah melakukan pembacaan, pengkaji menganalisis teori yang berkaitan dengan topik kajian iaitu teori bentuk dan makna dalam tarian. Dalam analisis ini, pengkaji mengumpulkan teori-teori yang didapati melalui pembacaan dan diulas dalam penulisan bab 2. Pengkaji menganalisis teori bentuk dan makna untuk mendoatkan kefahaman berkaitan dengan tajuk kajian bagi memudahkan pengkaji menjalankan proses penyelidikan ini. Setelah dianalisis, pengkaji akan menghuraikan teori bentuk dan makna tersebut mengikut urutan penulisan akademik bagi menyelesaikan penulisan projek penyelidikan ini.

Objektif yang ketiga ialah menghuraikan data yang diperolehi mengikut urutan penulisan akademik sesuai dengan keperluan tesis. Setelah teori bentuk dan makna dianalisis, maka semua data yang diperolehi perlu dihuraikan dalam satu bentuk penulisan. Data-data yang dihuraikan perlu dikemaskan dalam struktur penulisan dengan tatacara yang diberikan oleh akademik. Huraian dalam penulisan ini dilakukan bagi bertujuan untuk memberikan penjelasan mengenai kajian yang dilakukan. Selain itu, mewujudkan ilmu pengetahuan yang baru daripada pengumpulan data yang diperolehi. Penulisan huraian ini juga dilakukan untuk melatih kemahiran pengkaji menyusun dan membuat ayat dalam bentuk penulisan.

1.4 Skop kajian

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji hanya memfokus kepada bentuk dan makna pergerakan dalam tarian wau bulan. Melalui data-data yang telah dikumpulkan, pengkaji memperolehi beberapa maklumat yang berkaitan dengan bentuk dan makna pergerakan dalam tarian Wau Bulan. Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian untuk mendapatkan data iaitu dengan melawat ke lokasi kajian dan melakukan pemerhatian terhadap objektif kajian. Pengkaji perlu menjelaskan setiap bentuk gerakan yang ada dalam tarian Wau Bulan dan menjelaskan maksud kepada bentuk gerakan tersebut untuk menyelesaikan kajian ini.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan bagi membuktikan bahawa pengkaji telah berjaya menyelesaikan tempoh pengajian dalam peringkat Sarjana Muda di Universiti tempat pengkaji menuntut pembelajaran. Keberhasilan dalam menyelesaikan projek penyelidikan ini menjadi salah satu syarat untuk menjadi seorang graduan dan mendapatkan segulung ijazah. Selain daripada itu, kajian ini dapat melatih pengkaji bagaimana cara untuk mendapatkan maklumat penting daripada sumber-sumber yang diinginkan. Segala aktiviti dan latihan yang dilakukan sepanjang menyelesaikan projek penyelidikan ini membantu pengkaji untuk mengasah kemahiran dalam menyelesaikan sesuatu pekerjaan secara tersusun dan mengikut tatacara yang telah ditetapkan. Kemahiran yang diperolehi pengkaji sepanjang menyelesaikan projek penyelidikan ini boleh dimanfaatkan dan membantu pengkaji semasa berada di alam pekerjaan.

Di samping itu, kajian ini dapat dijadikan sebagai salah satu bahan bacaan dalam Universiti. Setelah kajian ini diselesaikan, hasil penulisan yang telah dilakukan oleh pengkaji boleh disimpan sebagai arkib Universiti untuk dijadikan bahan bacaan kepada pelajar-pelajar yang akan menjalani proses pembelajaran dalam subjek projek

penyelidikan. Penulisan kajian ini juga sedikit sebanyak dapat membantu dalam menambahkan lagi bahan bacaan dalam Pustaka Universiti. Hasil penulisan daripada kajian ini mungkin dapat membantu pelajar lain untuk menyelesaikan pembelajaran sekiranya terdapat perkara yang berkaitan dalam kajian ini dengan topik pembelajaran mereka. Hasil kajian dalam penulisan yang dilakukan oleh pengkaji sedikit sebanyak dapat membantu dalam menambahkan lagi bahan bacaan dalam Pustaka Universiti.

Seterusnya, kepentingan untuk masyarakat ialah kajian ini boleh dijadikan sebagai sumber maklumat dan pengetahuan kepada mereka yang berminat dalam mendalami ilmu yang berkaitan dengan seni persembahan. Di masa kini, masih lagi terdapat sesetengah individu yang mempunyai minat dalam mencari pengetahuan mengenai tarian tradisional seperti penari-penari muda dan ahli seni yang baru ingin menjinakkan diri dalam dunia seni persembahan. Seperti yang kita tahu, dalam mengasah bakat untuk menari bukan sahaja penting dari sudut kemahiran tetapi sudut pengetahuan juga amat dipertikaikan bagi melahirkan penari-penari yang lebih berkualiti dan mampu menjadi inspirasi kepada generasi muda. Oleh itu, kajian ini dihasilkan sebagai sumber rujukan bagi membantu masyarakat yang berminat dalam mendalami ilmu seni persembahan terutamanya, tarian tradisional. Kajian ini juga boleh digunapakai oleh mereka sebagai langkah untuk mengenali salah satu jenis tarian tradisional yang ada dalam negara kita. Sumber maklumat yang dinyatakan dalam kajian ini dapat memberikan pendedahan awal kepada mereka bagaimana cara sesebuah tarian tradisional itu dipersembahkan.

1.6 Kesimpulan

Kajian ini dilakukan adalah dengan harapan untuk meningkatkan apresiasi dalam bidang seni persembahan. Pengkaji berharap kajian ini dapat membantu mana-mana pihak yang sedang menceburi bidang seni persembahan untuk dijadikan sebagai bahan


rujukan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam mempelajari salah satu aspek dalam bidang seni persembahan iaitu tarian.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

SOROTAN KAJIAN LEPAS

BAB 2

2.0 Pengenalan

Penulisan sorotan kajian adalah langkah awal sebelum pengkaji melakukan penyelidikan kajian. Penulisan ini bertujuan untuk mengumpulkan maklumat sebelum pengkaji melakukan penyelidikan mengenai isu topik kajian yang ingin dilakukan. Pengkaji telah diminta untuk melakukan pembacaan melalui mana-mana sumber sekunder untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan topik kajian yang ingin dilakukan. Data yang dikumpulkan akan dijadikan sebagai sumber rujukan sebelum pengkaji melakukan penyelidikan mengenai isu topik yang diinginkan.

Pengkaji melakukan analisis berdasarkan pembacaan daripada sumber sekunder yang didapati dan memberikan ulasan pendapat pengkaji sendiri mengenai topik kajian daripada sumber tersebut. Penulisan ulasan yang dilakukan oleh pengkaji adalah bertujuan untuk mengeluarkan segala maklumat yang terdapat dalam sumber tersebut dan dijadikan sebagai rujukan dalam satu bentuk penulisan penyelidikan dibawah tajuk bahagian sorotan kajian.

Melalui penulisan sorotan kajian ini, pengkaji dapat mengembangkan idea dan memporelihi lebih banyak pengetahuan dalam melakukan kaedah semasa penyelidikan yang akan pengkaji lakukan nanti. Selain daripada itu, analisis daripada sumber rujukan yang ditulis oleh pengkaji juga bertujuan untuk membuktikan bahawa isu topik kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji belum pernah dilakukan oleh pengaji terdahulu.

2.1 Sorotan Kajian Lepas

2.1.1 BUKU DIGITAL “APA ITU MELAYU”

Dalam buku, “Apa Itu Melayu?” dalam isi kandungan, Tarian Tradisional Melayu, halaman 22 hingga 29, yang diselaraskan oleh Mohammad Haziem, menuliskan tentang jenis-jenis tarian tradisional Melayu. Tarian Cik Siti Wau Bulan merupakan tarian tradisional rakyat yang terkenal di negeri-negeri di sebelah pantai Timur. Menurut Kamus Dewan Bahasa, Edisi Ketiga, maksud tarian dari segi bahasa ialah tindakan tubuh badan seperti tangan dan kaki secara betempoh mengikut alunan muzik. Daripada C.Sachs, tafsiran ahli sejarah menurut beliau ialah, tarian merupakan gerakan yang mengikut rentak irama.

Daripada buku ini, isu yang dikemukakan ialah, memperkenalkan jenis-jenis tarian tradisional Melayu yang terdapat di Negara dan penggunaan alatan muzik tradisional dalam tarian. Perkenalan berkaitan dengan tarian tradisional ini dikemukakan bagi membantu individu yang mempunyai keminatan dalam mempelajari dan memahami ilmu berkenaan dengan persembahan tarian tradisional Melayu. Buku ini mengandungi satu bahagian di mana bahagian tersebut menuliskan mengenai tarian tradisional yang terdapat di Malaysia. Pengenalan mengenai tarian tradisional yang dibuat

oleh penulis sangat tepat dan penuh dengan maklumat yang memudahkan pembaca untuk mengenali dan mempelajari mengenai tarian tradisional Malaysia.

Pengenalan mengenai tarian Cik Siti Wau Bulan yang menceritakan tentang asal usul dan cara persembahan tarian tradisional ini. Menurut penelitian sejarah, persembahan tarian ini dipengaruhi oleh permainan tradisional yang sering dimainkan oleh masyarakat terutamanya di negeri sebelah Pantai Timur iaitu permainan Wau Bulan. Bersempena dengan permainan ini, wujudnya tarian tradisional Cik Siti Wau Bulan yang sering ditarikan oleh masyarakat muda pada zaman dahulu sewaktu musim menuai. Cara persembahan tarian ini juga tidak jauh berbeza dengan tarian tradisional Melayu yang lain seperti, diiringi dengan alatan muzik tradisional seperti serunai, rebab, gong, kesi, dan berserta dengan iringan daripada lagu tradisional Cik Siti Wau Bulan.

2.1.2 BLOG RASMI “PEMETAAN BUDAYA”

Melalui blog rasmi “Pemetaan Budaya” yang diterbitkan oleh Jabatan Kesenian Dan Kebudayaan Negara, Kelantan yang mengupas tentang isu kebudayaan yang terdapat di Negeri Kelantan dalam aspek pelancongan. Dimuat naik melalui laman sesawang

<https://pemetaanbudaya.my/culture/dis/268>.

Dalam blog rasmi ini, pengenalan Pemetaan Budaya berkenaan dengan budaya yang merangkumi segala aspek seperti seni persembahan, makanan tradisional, adat resam, permainan seni, tokoh seni, busana seni, perayaan, dan banyak lagi budaya-budaya seni yang turut diperkenalkan telah membuktikan bahawa Kelantan merupakan negeri yang kaya dengan warisan budaya. Tujuan dalam mewujudkan Pemetaan Budaya ini adalah, untuk membantu dalam sektor pelancongan dan juga masyarakat yang berminat dalam mengkaji serta mengumpulkan data berkaitan dengan kebudayaan di Kelantan.

Salah satu budaya seni yang turut diperkenalkan ialah Tarian Cik Siti Wau Bulan. Tarian tradisional ini telah menjadi salah satu budaya dari aspek seni persembahan yang kekal di negeri Kelantan ekoran daripada sejarah kewujudannya. Maklumat yang diberikan berkaitan dengan tarian Wau Bulan dapat membantu dalam penyampaian dan mengaplikasikan tarian ini dalam masyarakat setempat, juga diperkenalkan dalam sektor pelancongan.

Persembahan tarian tradisional dijadikan sebagai salah satu kaedah dalam meningkatkan ekonomi negara melalui sektor pelancongan. Tarian Wau Bulan yang menjadi salah satu tarian rakyat yang popular di Kelantan diharapkan dapat menjadi salah satu tarikan pelancong luar untuk lebih

mengenali budaya di Kelantan, justru membantu dalam meningkatkan ekonomi dan sektor pelancongan.

2.1.3 AKHBAR DIGITAL KOSMO “JANGAN BIAR SENI BUDAYA KELANTAN DITELAN ZAMAN”

Akhbar digital yang menuliskan berita bertajuk “Jangan Biar Seni Budaya Kelantan Ditelan Zaman”, ditulis oleh Mohd Shazwan, diterbitkan oleh Akhbar digital KOSMO, pada Tarikh 22 Julai 2021, dan jam diterbitkan ialah 2.00 pm.

Akhbar digital ini menuliskan tentang kebimbangan dalam penganjuran aktiviti kesenian dan kebudayaan di Kelantan yang terhambat akibat daripada keputusan bijak pihak kerajaan yang mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 bagi menghentikan penyebaran virus Covid-19 yang semakin meningkat dalam negara.

Usaha bijak yang dilakukan oleh pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan menganjurkan Festival Kesenian Rakyat Kelate (FKRK) 2021 secara online bagi meneruskan aktiviti kebudayaan dan kesenian mendapat sambutan yang amat meriah dan memberangsangkan, serta dapat membuka peluang kepada penggiat seni di Kelantan untuk terus memperkenalkan seni persembahan kepada komuniti luar. Negeri Kelantan yang terkenal dengan aktiviti-aktiviti berupa kesenian sebelum terjadinya pengisytiharan Perintah kawalan Pergerakan (PKP),

tidak mematahkan semangat penggiat seni di Kelantan untuk terus melakukan aktiviti kesenian dan budaya.

Kesemua persembahan yang dilakukan di Festival Kesenian Rakyat Kelate (FKRK) secara online adalah persembahan budaya yang popular dalam kalangan rakyat Kelantan seperti dikir barat, Mak Yong, main puteri, wayang kulit, cabaran tari wau bulan, dan pertandingan lagu daerah. Selain daripada itu, persembahan mengenai makanan tradisional Kelantan juga turut dipersembahkan dalam Festival ini bagi mengenalkan keunikan budaya masyarakat Kelantan.

Melalui artikel yang ditulis dalam berita digital ini, dapat diketahui bahawa tarian wau bulan masih menjadi salah satu seni persembahan yang amat penting bagi masyarakat Kelantan. Tarian ini masih lagi sering dipersembahkan di mana-mana acara atau majlis oleh masyarakat dengan harapan tarian ini akan terus dikekalkan menjadi warisan budaya yang layak diperjuangkan oleh generasi masa hadapan.

2.1.4 ARTIKEL “BUSANA TARIAN TRADISIONAL MELAYU”

Artikel dimuat naik melalui laman media sosial Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara (JKKN) negeri Kelantan iaitu Facebook. Artikel dimuat naik pada 19 Disember 2017, daripada sumber Busana Tarian-tarian Melayu, dan ditulis oleh Zubaidah Sual.

Artikel ini menuliskan tentang jenis-jenis busana yang digunakan dalam tarian tradisional melayu. Salah satunya ialah tarian Wau Bulan. Penulis mengikut sertakan dengan gerak tari yang digunakan dalam tarian wau bulan yang disesuaikan dengan busana yang digunakan oleh penari. Gerak tari yang dilakukan dalam tarian wau bulan adalah diadaptasi daripada gerakan Ketika memainkan permainan wau bulan dan diikuti dengan gambaran-gambaran suasana yang terjadi semasa memainkan permainan tersebut. Para penari berperanan dalam memerankan watak dalam tarian bagi memberikan gambaran yang sesuai dengan suasana tersebut. Dalam memainkan watak dalam persembahan tarian, busana merupakan salah satu aspek yang penting bagi merealisasikan gambaran tersebut.

Bantuan daripada segi busana memberikan keberhasilan dalam pertunjukan seni persembahan dalam menarik minat penonton untuk melihat persembahan tersebut. Selain daripada itu, dapat memberikan kefahaman kepada penonton mengenai maksud gerakan dalam tarian dan dapat menciptakan suasana dalam persembahan. Busana yang digunakan oleh setiap penari mempunyai maksud dan makna yang berperanan dalam memainkan watak dalam tarian.

2.1.5 JURNAL – Learning Strategies Based On The Approach Of Modelling by The Coach In Internalization Process Of Wau Bulan Folk Dance.

Nik Md Dazpi Mustafa & Muhammad Fazli Taib Searani, Faculty of Music and Performing Arts, Sultan Idris Education University. Diterbitkan oleh Human Resource Management Academic Research Society pada 13 November 2019.

Mempunyai sebanyak 11 halaman. Jurnal menuliskan tentang cara bagaimana untuk mewujudkan Langkah dalam pembelajaran seni gerak tari Wau Bulan melalui 3 elemen iaitu pendekatan, kaedah, dan Teknik. Ketiga-tiga elemen ini saling berhubungkait dalam Langkah pembelajaran gerakan tari dalam persembahan tarian. Tenaga pengajar perlu mendalami konsep ketiga elemen bagi memudahkan pelajar dalam melakukan gerakan tarian yang dipelajari.

Pendekatan yang diberikan oleh tenaga pengajar dalam proses pengajaran memerlukan panduan bagi membantu memberikan penerangan kepada pelajar semasa hendak mempelajari gerakan seni tari. Panduan yang digunakan dalam sesi pembelajaran adalah berdasarkan teori, model, dan prinsip yang berkaitan dalam sesi pembelajaran bagi merealisasikan satu persembahan yang baik. Konsep dan panduan yang digunakan bagi dalam sesi pembelajaran tarian memberikan satu kefahaman yang baik dalam sesi pembelajaran.

Maklumat yang ditampilkan dalam jurnal memberikan satu tambahan ilmu dalam menyelesaikan kajian. Maklumat ditulis dengan lengkap dan penerangan yang sangat jelas

membantu memudahkan dalam pencarian maklumat kajian yang lain.

2.1.6 JURNAL – PRESERVING THE DIVERSITY OF TRADITIONAL DANCE IN MALAYSIA THROUGH APPRECIATION OF THE ART OF EARLY CHILDHOOD EDUCATION

Sri Watini, Quratul Aini, Marviola Hardini, Untung Rahardja, Ankar Sigh Bist, STKIP Panca Sakti Bekasi, Universiti Raharja. Diterbitkan oleh, Palarch's Journal Of Archeology Or Egypt\Egyptology, tahun 2020. Mempunyai 9 halaman.

Penerapan seni persembahan dalam proses pembelajaran kanak-kanak sebagai salah satu kaedah dalam mengekalkan budaya dan pengetahuan tentang warisan bangsa untuk terus berkembang. Pendedahan awal berkaitan dengan seni persembahan dalam kalangan kanak-kanak mewujudkan satu peluang dalam memperkasakan dan mengekalkan warisan budaya negara yang semakin lama semakin pupus.

Tarian Wau Bulan menjadi salah satu tarian tradisional dalam seni persembahan yang mampu diajarkan kepada kanak-kanak kerana konsep dan pergerakan tariannya yang umum dan berkaitan dengan kehidupan masyarakat membuatnya cukup mudah untuk diaplikasikan kepada golongan kanak-kanak. Pendedahan awal yang diberikan kepada kanak-kanak mampu menghasilkan satu persembahan yang cukup memukau

kerana kemahiran yang telah ditanam dalam bakat kanak-kanak sejak awal lagi.

Kaedah maklumat yang digunakan ialah kaedah kualitatif, dimana satu pemerhatian telah dilakukan bagi mendapatkan data-data yang diperlukan dalam kajian. Data-data yang didapati melalui pemerhatian dan informan yang didapati amat membantu dalam menghasilkan satu maklumat yang berkaitan.

2.1.7 SLIDESHARE – WAU PERMAINAN TRADISIONAL RAKYAT MALAYSIA SEPANJANG ZAMAN

Powerpoint yang dikongsikan melalui internet,

https://pdfslide-net.cdn.ampproject.org/v/s/pdfslide.net/amp/documents/folio-sejarah-wau-powerpoint.html?amp_js_v=a6&_gsa=1&usqp=mq331AQKKAFAQrABIIACAw%3D%3D#aoh=16507547864578&_ct=1650755852512&csi=1&referrer=https%3A%2F%2Fwww.google.com&_tf=From%20%251%24s&share=https%3A%2F%2Fpdfslide.net%2Fdocuments%2Ffolio-sejarah-wau-powerpoint.html

Mempunyai 33 halaman.

Pengenalan yang diberikan berkaitan dengan asal usul wau bulan di Kelantan sehingga berkembang menjadi satu permainan tradisi masyarakat. Menjadi salah satu warisan budaya negara dan simbolik kepada masyarakat dalam memperkenalkan budaya melayu. Satu permainan tradisi yang

dapat di persembahkan dalam pelbagai kaedah seperti tarian dan lagu rakyat.

Tarian Wau bulan adaptasi daripada permainan wau bulan yang mana gerakan tariannya adalah diambil daripada gerakan permainan wau bulan. Tarian ini sebagai salah satu acara dalam tradisi masyarakat semasa musim menuai padi. Wau bulan dijadikan simbolik dalam tarian kerana mempunyai gambaran yang tepat dalam menunjukkan keadaan masyarakat semasa musim menuai.

Penjelasan mengenai kewujudan wau bulan dan perkembangannya daripada permainan sehinggalah menjadi salah satu tarian rakyat sedikit membantu dalam menjadi maklumat untuk kajian. Penulisan dan penyusunan gambar berkaitan dengan objektif kajian sangat membantu dalam mendapatkan maklumat dan rujukan.

2.1.8 ARTIKEL BLOG – KAUM PENAN

Artikel ditulis oleh Norazura Zura, dimuat naik melalui laman sesawang <https://pdfcoffee.com/kaum-penandoc-pdf-free.html>. Artikel ditulis dalam bentuk file dan mempunyai 30 halaman.

Penulisan maklumat sangat jelas dan mudah difahami. Penyusunan dan pecahan maklumat dalam setiap bahagian tarian dikategorikan dengan sangat baik dan memudahkan untuk dibaca. Gambar-gambar yang digunakan adalah dia ambil melalui sumber internet.

Menerangkan ciri-ciri suku kaum yang terdapat di negeri Sarawak. Menjelaskan budaya dan cara hidup suku kaum di Sarawak yang mempunyai keunikkan dan berbeza daripada kaum yang lain di Malaysia. Merangkumi segala aspek kehidupan masyarakat di Sarawak dimulai daripada makanan, adat resam, pakaian, budaya, dan aktiviti seharian dalam menjalani kehidupan. Perbezaan ketara dapat dilihat melalui cara pemakaian dan dialek bahasa yang mewakili setiap kaum adalah berbeza.

Menerang berkaitan dengan seni persembahan tradisional kaum lain yang terdapat di dalam negara. Tarian wau bulan termasuk dalam seni persembahan tarian rakyat Kelantan. Pendedahan umum berkaitan dengan tarian tradisional sebagai pengenalan kepada budaya yang ada di negara bagi mengembangkan pengetahuan mengenai warisan budaya yang lain. Tarian tradisional yang disenaraikan kebanyakannya ialah tarian tradisional yang jarang disorot oleh masyarakat dan kurang mendapat sambutan dalam persembahan. Hal ini, dapat membantu untuk menambahkan lagi pengetahuan mengenai jenis-jenis tarian tradisional yang terdapat dalam negara sama ada yang masih popular ataupun yang masih jarang didengari.

2.1.9 AKHBAR ARTIKEL – BERITA HARIAN “UUM RAIH ANUGERAH PEMBENTANGAN TERBAIK”

Artikel dimuat naik melalui laman sesawang <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20180329/281913068663605>. Diterbitkan oleh berita harian pada tarikh 29 Mac 2018.

Kejayaan yang diperolehi pelajar dari Universiti Utara Malaysia semasa Karnival Varsiti Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT – GT) 2017 yang berlangsung di Universitas Negeri Medan (UNIMED) dengan membawa anugerah “The Best Cultural Academic Presentation”. Pembentangan kajian yang dibentangkan oleh para pelajar tersebut ialah mengenai tarian Cik Siti Wau Bulan.

Kejayaan ini telah membawa martabat tarian Wau Bulan sebagai tarian tradisional yang layak untuk dikenali dan dicintai. Kejayaan ini memberi bukti bahawa keaslian dan keunikan yang terdapat pada tarian wau bulan mampu membuka mata semua masyarakat tentang indahnya mempelajari seni persembahan tradisional negara kita. Tarian wau bulan hanyalah objektif kepada kejayaan tersebut, namun usaha giat daripada para pelajar yang membentangkan mengenai tarian ini kepada masyarakat luar telah membuatkan tarian tradisional negara kita semakin dikenali ramai.

2.1.10 ARTIKEL “JENIS-JENIS TARIAN MASYARAKAT DI MALAYSIA”

Artikel yang berbentuk dokumen dengan tajuk “Jenis-jenis Tarian Masyarakat Di Malaysia”, ditulis oleh Rosbadrul, diterbitkan pada 09 Disember 2015, melalui laman sesawang https://cupdf-com.cdn.ampproject.org/v/s/cupdf.com/amp/document/jenis-5667346ade505.html?amp_js_v=a6&_gsa=1&usqp=mq331AQKKAFAQrABIIACA%3D%3D#aoh=16504300140200&referrer=https%3A%2F%2Fwww.google.com&_tf=From%20%251%24s&share=https%3A%2F%2Fcupdf.com%2Fdocument%2Fjenis-5667346ade505.html .

Artikel ini menekankan tentang sejarah dan keistimewaan jenis-jenis tarian tradisional yang terdapat di Malaysia. Sejarah yang dinyatakan dalam artikel adalah sama seperti yang sering didengari dan diketahui oleh masyarakat Malaysia. Artikel ini membantu dalam memberikan pengetahuan kepada pihak luar yang ingin lebih mengenali mengenai tarian tradisional Malaysia.

Maklumat mengenai tarian Wau Bulan yang terdapat dalam artikel adalah berkenaan dengan asal usul tarian. Segala maklumat yang ditulis dapat memberikan sedikit pengetahuan kepada pembaca termasuk dari segi aspek alat muzik dan gerak tari. Maklumat yang dilampirkan dalam artikel tidak sepenuhnya lengkap dari segala aspek dalam tarian namun masih dapat digunakan sebagai permulaan dalam mengenali tarian wau bulan.

Daripada sejarah tarian wau bulan, diketahui bahawa tarian ini adalah adaptasi daripada permainan tradisional yang popular di Kelantan iaitu permainan wau bulan. Tarian ini dikenali berasal daripada negeri-negeri di sebelah pantai timur. Waktu tarian ini dipersembahkan mengikut maklumat sejarah ialah pada musim menuai dimana tarian ini dipersembahkan oleh anak muda lelaki dan perempuan. Sama seperti tarian tradisional yang lain, tarian ini akan diiringi oleh alat muzik tradisional Melayu dan alunan muzik lagu rakyat iaitu Wau Bulan yang menjadi lagu tema kepada tarian ini.

2.2. Kesimpulan

Kesimpulannya, penulisan review dibuat bagi bertujuan untuk pengkaji mendapatkan data sekunder. Daripada data-data yang dikumpulkan oleh pengkaji melalui penulisan review ini dijadikan sebagai sumber rujukan pengkaji sebelum melakukan kajian berdasarkan objek dan isu yang telah dipilih. Pengkaji telah berjaya mengumpulkan sebanyak sepuluh data daripada sumber sekunder berdasarkan objek yang sama yang telah dibaca dan di analisis dalam penulisan review ini. Kesemua maklumat berdasarkan data sekunder yang diperolehi membantu pengkaji untuk mendapatkan rujukan yang berkaitan dengan objek kajian ini.

Selain daripada itu, daripada ulasan penulisan ini dapat membuktikan bahawa isu yang ingin dikaji berdasarkan objek kajian pengkaji adalah belum lagi pernah dilakukan oleh mana-mana pengkaji sebelum ini. Berdasarkan maklumat daripada pembacaan yang dilakukan, pengkaji belum lagi menjumpai mana-mana kajian yang pernah dilakukan berdasarkan isu yang pengkaji ingin kaji.

METODOLOGI KAJIAN

BAB 3

Metodologi menurut Sulaiman Masri (2005), ialah proses mengumpulkan pemboleh ubah melalui langkah-langkah, pandangan, dan kaedah yang ditentukan oleh pengkaji sendiri yang berkaitan dengan tajuk kajian. Proses mendapatkan data yang betul dan tepat adalah sangat penting bagi memastikan data yang didapati adalah benar dan jelas seiring dengan objektif kajian itu dilakukan.¹⁸ Oleh yang demikian, pengkaji memilih beberapa kaedah pengumpulan data untuk memperolehi data-data yang diperlukan untuk kajian.

Kaedah pengumpulan data yang pertama dilakukan oleh Pengkaji ialah mengenalpasti objek kajian terlebih dahulu. Pengkaji memilih tarian Wau Bulan sebagai objek kajian kerana tarian Wau Bulan adalah salah satu tarian yang sangat popular dan masih aktif dipersembahkan dalam kalangan masyarakat di kawasan tempat pengkaji. Selain daripada itu, Kawasan tempat pengkaji sememangnya dikenali dengan tempat yang masih melakukan aktiviti-aktiviti yang berunsurkan kebudayaan sehingga menarik minat pengkaji untuk mengambil salah satu daripada tarian kebudayaan tersebut sebagai objek kajian yang ingin dikaji oleh pengkaji. Selain itu, objek kajian yang dipilih oleh pengkaji adalah berdasarkan bidang yang dipelajari oleh pengkaji kerana hal ini dapat memudahkan pengkaji memahami dan menambahkan lagi pengetahuan pengkaji dalam bidang yang diceburi di Universiti. Setelah pengkaji menentukan objek kajian, pengkaji akan melakukan kaedah pengumpulan data yang seterusnya.

¹⁸ Sulaiman Masri(2005) PANTUN MELAYU SEBAGAI CERMINAN KEBITARAAN PERENGGU MINDA MELAYU NIRWANA SUDIRMAN Universiti Kebangsaan Malaysia dan ZULKIFLEY HAMID Universiti Kebangsaan Malaysia, Jurnal Melayu Bil. 15(2) 2016.

Seterusnya, untuk mendapatkan data yang diperlukan bagi menyelesaikan kajian ini, pengkaji akan menganalisis data yang didapati daripada dua sumber iaitu sumber sekunder dan sumber primer. Melalui sumber sekunder, hal pertama yang dilakukan oleh pengkaji ialah melakukan pembacaan daripada bahan bacaan yang berkaitan dengan objek kajian. Kaedah pembacaan yang dilakukan oleh pengkaji adalah bertujuan untuk mencari data-data yang berkaitan dengan objek kajian untuk dianalisis. Bahan bacaan yang digunakan oleh pengkaji adalah seperti buku, jurnal artikel, dan laman web rasmi. Setelah pengkaji menganalisis data daripada sumber sekunder, data-data tersebut akan diulas oleh pengkaji dalam bentuk penulisan mengikut struktur penulisan akademik.

Bagi sumber primer, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian dengan melakukan kajian lapangan di lokasi kajian untuk mendapatkan data. Kaedah pemerhatian ini dilakukan oleh pengkaji adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang lebih tepat berkaitan dengan topik kajian. Data daripada sumber primer ini akan membantu menyokong data-data daripada sumber sekunder untuk menambahkan lagi kefahaman pengkaji berkaitan dengan kajian. Untuk mendapatkan data daripada sumber primer, pengkaji akan melakukan sesi temu bual bersama dengan seorang informan yang mempunyai pengetahuan mendalam berkenaan dengan tajuk kajian. Informan akan ditemu bual oleh pengkaji menggunakan soalan berstruktur untuk mendapatkan data dan proses temu bual akan dirakam untuk dijadikan bahan maklumat bagi memudahkan pengkaji menganalisis data yang diperolehi. Selain itu, pengkaji turut melakukan pemerhatian dengan cara melihat aktiviti topik kajian secara langsung dan mengambil gambar untuk dianalisis dan diambil data-data yang terdapat dalam pemerhatian tersebut.

Akhir sekali, apabila pengkaji telah selesai menganalisis data yang diperolehi, data tersebut akan dihuraikan mengikut struktur penulisan akademik. Data tersebut akan disusun mengikut bahagian yang telah ditetapkan dalam struktur penulisan akademik.

Hasil data daripada sumber sekunder akan dihuraikan dalam bahagian ulasan penulisan untuk sorotan kajian lepad pada bab 2. Data yang diperolehi daripada bahan bacaan akan diulas mengikut kefahaman pengkaji dengan cara mengeluarkan data-data yang berkaitan dengan objek kajian dan diulas dalam bentuk penulisan. Dalam ulasan penulisan tersebut pengkaji perlu menyatakan maklumat mengenai bahan bacaan tersebut untuk memberikan bukti bahawa pengkaji telah merujuk bahan bacaan untuk mendapatkan data. Bagi hasil data daripada sumber primer akan dihuraikan dalam bab 4 oleh pengkaji dengan memasukkan data-data yang didapati melalui kaedah pengumpulan data yang telah dilakukan. Dalam kaedah pengumpulan data yang dilakukan melalui sumber primer ini, pengkaji lebih memfokus kepada topik kajian kerana hasil data yang didapati berkenaan dengan topik kajian melalui informan dan pemerhatian adalah lebih tepat dan mendalam. Seterusnya, data-data daripada sumber primer akan dihuraikan oleh pengkaji dalam bentuk penulisan mengikut struktur penulisan akademik seperti yang telah ditetapkan.

Kesimpulannya, metodologi kajian adalah sangat penting dalam melakukan kajian kerana ianya diperlukan untuk memperlihatkan perjalanan pengkaji dalam menyelesaikan kajian ini. Segala kaedah pengumpulan data yang dilakukan oleh pengkaji dapat menunjukkan bahawa kajian ini dilakukan dengan mengikut prosedur yang telah ditetapkan dan hasil data yang diperolehi adalah benar dan boleh dirujuk.

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

BAB 4

4.1 PENDAHULUAN

Analisis data menurut M. Prawiro (2018) merupakan satu perbuatan atau perlakuan terhadap perubahan data yang menyebabkan berlakunya perubahan hasil daripada kajian yang mewujudkan maklumat baru bagi kesimpulan. Selain daripada itu, definisi daripada analisis data menurut Moleong (2018) juga merujuk kepada satu proses untuk menyusun data dalam bentuk pola, kategori, dan juga huraian secara dasar agar dapat menemukan tema dan rumusan.

Dalam menyelesaikan bab 4 ini, pengkaji telah turun ke lapangan untuk menemui bual seorang informan bagi mendapatkan data. Data yang didapati daripada kaedah temu bual ini dikenali sebagai data primer. Pengkaji memilih Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan sebagai tempat melakukan kajian lapangan kerana pengkaji mendapati bahawa tajuk kajian yang dipilih oleh pengkaji mempunyai maklumat di tempat lapangan tersebut. Informan yang dipilih oleh pengkaji sebagai pemberi maklumat bernama Encik Mohd Radzi Bin Yusuf yang merupakan ketua Bahagian Kejurulatihan Pembangunan Produksi atas Pentas di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan (JKKN). Informan merupakan seorang artis budaya yang kini merangkap sebagai jurulatih di JKKN yang sangat berpengalaman dengan dunia seni persembahan terutamanya dalam persembahan tarian. Pengkaji telah memberikan soalan yang berstruktur kepada informan dalam sesi temu bual dan informan diminta untuk menjawab kesemua soalan tersebut agar pengkaji dapat memperoleh data daripada informan.

4.2 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.2.1 Sejarah Tarian Wau Bulan

Musim menuai merupakan salah satu musim yang amat dinanti-nantikan oleh masyarakat melayu pada zaman dahulu dan salah satunya ialah masyarakat melayu di Kelantan. Apabila musim menuai tiba, mereka semua akan berbondong-bondong pergi ke bendang untuk mengutip hasil daripada tanaman mereka untuk diproses menjadi beras dan dijadikan sebagai bekalan makanan dan modal untuk berdagang. Ketika musim menuai tiba, para kanak-kanak akan pergi ke bendang dan bermain wau dan bersuka ria menyambut musim menuai ini. Selalunya, angin akan bertiup sangat kencang pada musim menuai dan perkara ini yang menyebabkan kanak-kanak suka bermain wau di bendang Ketika musim menuai tiba. Selain daripada itu, musim menuai selalu dijadikan sebagai salah satu kesempatan untuk masyarakat bergembira dan bersuka ria sesama mereka. Setiap kali musim menuai, mereka akan melakukan banyak aktiviti di sawah padi untuk merayakan hasil tuaian mereka dan dengan cara inilah mereka akan meluahkan rasa syukur mereka kerana telah diberikan rezeki yang melimpah. Kanak-kanak yang bermain wau di bendang telah menjadi satu tradisi setiap kali musim menuai tiba dan hal ini dilakukan bukan sahaja untuk meluahkan rasa gembira mereka namun juga untuk meramaikan lagi masyarakat di sawah padi agar para masyarakat yang bekerja menuai padi pada Ketika itu dapat bekerja dengan semangat dan tidak mudah bosan apabila melihat keadaan kanak-kanak yang bergembira bermain wau. Kegembiraan yang diberikan oleh kanak-kanak Ketika bermain wau dibendang dapat mengubah suasana pekerjaan di sawah padi menjadi lebih meriah dan seronok.

Daripada peristiwa permainan wau di bendang semasa musim menuai ini, yang akhirnya membuat seorang seniman seni mendapat inspirasi untuk menciptakan satu tarian yang dinamakan sebagai tarian Wau Bulan. Tarian rakyat yang ditarikan oleh

masyarakat melayu di Kelantan akan ditarikan setiap kali musim menuai tiba. Tarian ini diciptakan agar mereka dapat menunjukkan rasa gembira dan bersuka ria serta menjadi salah satu cara mereka untuk mengekspresikan rasa syukur mereka kerana telah diberikan sumber rezeki yang melimpah melalui tanaman padi. Tarian ini juga ditarikan secara berpasangan dan gerak tari ini diketahui dipengaruhi oleh gerakan daripada permainan wau bulan. Tarian Wau Bulan yang pada awalnya diciptakan untuk ditarikan oleh masyarakat ketika mereka menyambut musim menuai dan gerakan tarian ini adalah bebas dan hanya mengikuti gerakan cara bermain wau sahaja. Selain itu, tarian ini pada mulanya ditarikan hanya untuk bersuka ria di semasa musim menuai, namun seiring berubahnya zaman, tarian Wau Bulan ini telah menjadi salah satu tarian rakyat yang popular dan selalu ditarikan di setiap persembahan kesenian yang diadakan. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa musim menuai menjadi salah satu faktor wujudnya tarian Wau Bulan ini di negeri Kelantan sehinggalah tarian ini menjadi salah satu tarian tradisonal bagi masyarakat melayu di Kelantan.

4.2.2 Waktu persembahan Tarian Wau Bulan

Persembahan kesenian merupakan satu perkara yang lazim dalam masyarakat kita. Di Malaysia terdapat banyak bentuk persembahan kesenian yang dapat kita lihat sama ada dari segi tarian, nyanyian, ataupun lakonan. Namun begitu, persembahan tarian tradisional pada Ketika ini semakin lama semakin kurang di persembahkan kecuali di tempat-tempat ataupun terdapat acara-acara yang tertentu sahaja. Sama seperti yang terjadinya pada tarian Wau Bulan. Melalui data yang diterima daripada informan, Tarian Wau Bulan pada masa kini hanya dipersembahkan di acara-acara tertentu seperti di Pesta Wau Antarabangsa dan festival kesenian. Selain daripada Pesta Wau Antarabangsa dan festival kesenian, persembahan tarian Wau Bulan hanya akan dipersembahkan sekiranya ada jemputan yang meminta untuk tarian ini dipersembahkan dan kebanyakannya

jemputan tersebut bertujuan untuk memperkenalkan budaya negeri Kelantan kepada para pelancong yang datang. Di zaman ini, teknologi yang semakin canggih membuatkan semua pengetahuan yang ingin diketahui berada di hujung jari sahaja. Seperti tarian Wau Bulan, terdapat beberapa kali persembahan tarian Wau Bulan dipersembahkan hanya dalam atas talian iaitu melalui rakaman video secara langsung ataupun video dokumentari untuk ditayangkan di televisyen ataupun gadget. Penayangan rakaman persembahan tarian tersebut dapat dilihat secara berulang kali.

Tarian Wau Bulan pada masa kini amat jarang untuk dipersembahkan kerana disebabkan oleh kurangnya bakat muda yang berpotensi untuk mengekalkan tarian tradisional ini. Hal ini kerana generasi muda di Kelantan pada masa kini kurang berminat untuk menerokai budaya-budaya serta warisan yang terdapat di negeri mereka sehingga menyebabkan warisan budaya ini semakin lama akan semakin dilupakan. Selain daripada itu, persembahan kesenian seperti tarian memerlukan banyak persediaan seperti dari segi busana, tata rias, aksesori, property, panggung dan latihan yang mencukupi sehingga menyebabkan tarian ini hanya jarang-jarang sahaja dipersembahkan. Cara penyediaan untuk melakukan satu persembahan tarian memerlukan banyak masa, ruang, dan wang untuk memberikan satu persembahan yang sempurna, dan hal ini turut terjadi kepada para penari yang mempersembahkan tarian Wau Bulan. Oleh yang demikian, dapat dibuktikan bahawa tarian Wau Bulan pada masa kini hanya dipersembahkan pada waktu-waktu yang tertentu sahaja.

4.2.3 Keistimewaan dalam Tarian Wau Bulan

Tarian Wau Bulan pada awalnya tercipta, tarian ini mempunyai gerakan yang tidak terikat. Hal ini dapat dipadankan dengan konsep tarian Wau Bulan yang bebas dan gerakannya yang hanya bergerak mengikut gerakan cara bermain Wau. Melalui konsep bebas ini yang menyebabkan tarian ini mudah untuk ditarikan oleh setiap golongan sama

ada kanak-kanak mahupun orang dewasa, lelaki ataupun perempuan. Gerak tari yang mudah untuk ditiru dan dilakukan menjadi salah satu factor mengapa tarian ini sangat diminati ramai oleh masyarakat terdahulu. Hal ini adalah kerana, masyarakat dahulu terutamanya di Kelantan sangat sinonim dengan permainan Wau Bulan. Permainan Wau Bulan menjadi salah satu permainan tradisional yang sangat popular di negara kita pada waktu Ketika dahulu. Permainan ini juga dapat membuktikan bahawa masyarakat kita dahulunya sangat kreatif hanya dengan melihat corak-corak yang terdapat pada badan Wau dan bentuk Wau yang dibuat. Sifat kreatif masyarakat kita pada zaman dahululah yang menjadi factor terciptanya tarian Wau Bulan yang terinspirasi daripada permainan Wau Bulan.

Seiring berubahnya zaman, ragam dan gerak tari tarian Wau Bulan telah melalui sedikit sebanyak perubahan dan penambahbaikan sama ada dari segi gerak tari ataupun cara persembahan. Gerak tari tarian Wau Bulan pada masa kini telah disusun dan dipelbagaikan dari segi ragam untuk disesuaikan dengan lagu dan citarasa masyarakat zaman sekarang. Walaupun mengalami perubahan, namun konsep bergerak bebas seperti Wau dan gerak tari yang asli tidak dihilangkan dan masih lagi digunakan sebagai gerakan asas kepada tarian ini sehinggalah ke hari ini. Hal ini menjadi pengetahuan yang penting kepada masyarakat masa kini agar tidak melupakan sejarah sebenar terciptanya tarian Wau Bulan ini. Maka jelaslah bahawa keistimewaan Tarian Wau Bulan adalah terdapat dalam ragam dan gerak tarinya.

4.2.4 Pengaruh dalam Tarian Wau Bulan

Mengikut sejarah daripada terciptanya tarian Wau Bulan, setiap persembahan tarian tradisional sudah semestinya terdapat pengaruh dalam tariannya. Seperti yang diketahui, tarian Wau Bulan merupakan inspirasi daripada permainan Wau Bulan, namun

begitu dalam tarian ini terdapat pengaruh daripada Siam yang mana pada ketika dahulu negeri Kelantan pernah menjadi salah satu tanah jajahan kerajaan Pattani. Selain itu, kedudukan negeri Kelantan yang bersempadan dengan negara Thailand menyebabkan banyak masyarakat daripada negara jiran datang berhijrah ke tanah melayu untuk melakukan pekerjaan ataupun berdagang. Bagi masyarakat Siam yang berhijrah untuk mencari pekerjaan, kebanyakannya daripada mereka melakukan aktiviti pertanian sebagai pekerjaan mereka. Daripada sinilah masyarakat Siam mula mempelajari banyak hal yang berkaitan dengan masyarakat Melayu termasuklah mempelajari kesenian yang terdapat di tanah melayu ini.

Masyarakat Siam yang telah menetap di tanah melayu mula hidup seperti orang melayu dan mengamalkan cara hidup orang melayu agar mereka dapat diterima oleh masyarakat setempat dan sebagai tanda hormat kepada masyarakat setempat kerana telah diberi kebebasan untuk menetap di tanah mereka. Setelah mereka mempelajari banyak perkara yang berkaitan dengan orang melayu, sedikit sebanyak mereka dapat mengamalkan dan melakukan perkara tersebut dalam kehidupan mereka. Walaupun mereka menetap dan hidup dengan cara orang melayu, namun masyarakat Siam tidak sesekali menghilangkan jati diri mereka sebagai orang Siam. Oleh itu, dalam mengamalkan cara hidup orang melayu, masyarakat Siam sedikit memasukkan amalan mereka sebagai orang siam ke dalam kehidupan mereka sebagai orang melayu. Hal ini terjadi dalam tarian Wau Bulan, dimana masyarakat siam yang melakukan pekerjaan pertanian pada ketika itu turut sama mempelajari dan menarikan tarian ini ketika musim menuai tiba. Tarian Wau Bulan menjadi aktiviti yang wajib pada ketika dahulu setiap kali musim menuai tiba dan masyarakat siam yang turut sama menyambut musim menuai menarikan tarian ini bagi meluahkan rasa gembira mereka kerana mendapat sumber rezeki yang bagus. Namun begitu, bagi mengelakkan mereka untuk melupakan asal usul

mereka, sedikit pengaruh daripada orang siam telah ditambah kedalam tarian tersebut tanpa menghilangkan keaslian melayu dalam tarian ini. Terdapat asimilasi dan serba sedikit Pengaruh siam dalam pergerakan dominan bermain Wau yang dijadikan ragam dalam tarian Wau Bulan. Namun begitu pengaruh ini tidak memberikan impak yang besar kepada tarian Wau Bulan kerana, cara hidup masyarakat melayu dan siam pada zaman dahulu tidak jauh berbeza dan malahan mereka mempunyai banyak persamaan.

4.2.5 Ciri-ciri bentuk Tarian Wau Bulan

Ciri-ciri dalam tarian Wau Bulan dapat dilihat daripada ragam yang ada dalam tarian tersebut. Seperti yang telah diketahui, tarian Wau Bulan merupakan inspirasi daripada permainan Wau Bulan lalu digubah menjadi sebuah persembahan tarian. Dalam ragam tarian Wau Bulan, terdapat banyak gerakan Ketika bermain Wau Bulan seperti menyusun benang, menarik benang, tolak Wau, gerakan Wau terbang, dan gerakan melihat Wau digabungkan dan dijadikan sebagai ragam dalam tarian Wau Bulan. Kesemua gerakan ini dilakukan dalam persembahan tarian Wau Bulan agar dapat memberikan gambaran kepada penonton Ketika sedang bermain permainan Wau. Pada masa kini, permainan Wau Bulan amat jarang dimainkan kerana pelapis muda yang semakin berkurangan dan kurang berminat dalam mempelajari permainan Wau Bulan menyebabkan pengetahuan mengenai permainan Wau semakin kurang. Oleh itu, melalui persembahan tarian Wau Bulan, masyarakat dapat melihat gambaran permainan Wau tersebut hanya dengan melihat ragam dalam tarian Wau Bulan.

Selain daripada itu, ragam dalam tarian Wau Bulan yang menggambarkan situasi senda gurau daripada pasangan lelaki dan perempuan menjadi ciri-ciri yang ada dalam ragam tarian ini. Ragam ini juga dapat memberikan gambaran kepada penonton tentang cara masyarakat dahulu bergaul sesama mereka tanpa melihat pangkat dan jantina.

Kehalusan dan kelembutan yang diletakkan dalam ragam tarian ini dapat membuktikan bahawa masyarakat pada Ketika dahulu amat menjaga kesopanan dan budi bahasa mereka walaupun sedang bergembira dan bersuka ria.

Ragam 1

Penari perempuan mendepakan kedua belah tangan di kedua sisi dan telapak tangan dihalakan kebawah sambil menghayunkan badan ke kiri dan kanan. Penari lelaki akan bergerak menghayunkan badan ke kiri dan kanan sambil tangan melakukan gerakan seperti menolak wau. Pergerakan ini dilakukan sebanyak 8 kiraan.



Ragam 2

Penari mengangkat telapak tangan menghadap ke hadapan selaras dengan dada dan lengan penari perempuan perlu ditutup sedikit kedalam manakala lengan lelaki perlu didepakan. Gerakan langkah ke kanan dan kiri sambil mengerakan telapak tangan kedepan dan belakang lalu pusingkan telapak tangan.



Ragam 3

Tangan perlu dibuka dikedua belah sisi lalu diletakkan dia atas sebaris dengan paras bahu sambil telapak tangan dibuka dan jari perlu dilentikkan. Goyangkan badan dengan menghadap ke kiri dan kanan mengikut



Ragam 4

Satu tangan diletakkan di atas dahi dan tangan yang sebelah diletakkan ke bawah lalu tangan akan dihayunkan daripada bawah ke atas sambil badan bergerak ke kanan dan kiri mengikut pergerakan tangan . Gerakkan tangan perlu diubah mengikut kiraan.



Ragam 5

Tangan kanan penari perempuan diangkat ke atas lalu bergerak ke hadapan dan belakang lalu gerakan di tukar kepada tangan sebelah kanan diletakkan di atas dan telapak tangan menghadap ke atas. Tangan yang sebelah diletakkan dibawah, dihadapan perut lalu lakukan gerakan memusing untuk menukarkan kedudukan tangan.

MALAYSIA

KELANTAN



4.2.6 Makna dalam setiap bentuk gerakan Tarian Wau Bulan

Makna ragam 1

Gerakan ini memberikan makna seperti sekumpulan manusia yang sedang bermain Wau dimana penari perempuan menjadi simbol kepada Wau dan penari lelaki ialah sekumpulan manusia yang sedang mengawal Wau tersebut. Gerakan ini juga memberi simbol kepada golongan lelaki dan perempuan yang sedang bersenda gurau dan bergembira.

Makna ragam 2

Makna daripada gerakan ini ialah gambaran seperti seseorang sedang menolak Wau sebelum dia menerbangkan Wau tersebut ke atas awan.

Makna ragam 3

Pergerakan bagi ragam ini seperti Wau yang sedang bertebaran di atas langit lalu bergerak mengikut ditiupan angin. Pergerakan ini membawa makna kepada kebebasan seperti mana Wau yang bebas bergerak di atas awan.

Makna ragam 4

Gerakan ini memberikan gambaran seperti sedang melihat Wau yang berterbangan di atas awan. Namun begitu, gerakan ini juga dapat disimpulkan sebagai maksud kepada seseorang yang berada di sawah padi dan sedang menikmati pemandangan di sawah padi yang luas dan subur. Hal ini kerana berhubungan dengan asal usul tarian ini yang diciptakan melalui permainan Wau di sawah padi.

Makna ragam 5

Pergerakan dalam ragam 5 membawa makna kepada pergerakan menolak Wau dan juga seperti lambaian daun padi yang subur. Ragam ini memberi makna kepada masyarakat pada ketika itu yang sedang bergembira dan bersenda gurau sesama mereka bagi meraih tanaman padi mereka yang subur.

4.2.7 Penerimaan masyarakat terhadap persembahan Tarian Wau Bulan

Di Kelantan golongan Wanita pada ketika dahulu pernah diharamkan untuk mempersembahkan tarian Wau Bulan kerana cara persembahannya yang melibatkan golongan lelaki yang menari secara berpasangan. Negeri Kelantan amat dikenali dengan negeri yang mengamalkan undang-undang Islam sehingga negeri ini digelar sebagai Serambi Mekkah. Segala jenis hiburan dan persembahan amatlah dititikberatkan agar tidak menyalahi undang-undang dan syariat Islam. Oleh sebab itu, golongan Wanita amat susah untuk mengambil bahagian dalam persembahan. Hal ini turut terjadi dalam tarian Wau Bulan dimana pada ketika dahulu tarian ini pernah diharamkan untuk golongan Wanita kerana undang-undang negeri Kelantan yang tidak memperbolehkan untuk menari di atas pentas kerana ianya melanggar hukum sebagai seorang Wanita dalam islam. Namun begitu, jabatan kesenian negeri seperti JKKN Kelantan telah melakukan inisiatif agar tarian Wau Bulan ini masih boleh dipersembahkan walaupun tanpa penari Wanita dan inisiatif yang digunakan ialah dengan menggunakan sepenuhnya penari lelaki untuk mempersembahkan tarian ini. Bagi menyesuaikan corak persembahan ini, beberapa gerak tari dan ragam telah diubah mengikut kesesuaian untuk gerakkan penari lelaki tanpa mengubah konsep asli daripada tarian ini agar mereka dapat melakukan gerakkan tersebut.

Keadaan dan kekangan yang dihadapi oleh pengiat seni tidak memadamkan semangat mereka untuk terus mengekalkan tarian Wau Bulan agar dapat dipersembahkan dan dikekalkan sehinggalah ke hari ini. Masyarakat juga dapat menerima dengan baik corak persembahan tarian Wau Bulan yang telah diperbaharui kerana jenis penari tidaklah penting dalam sebuah persembahan tetapi pemeliharaan tarian ini perlu dikekalkan agar tidak dihapuskan dan semakin dilupakan dari generasi ke generasi. Masyarakat masih dapat menikmati persembahan tarian ini walaupun tarian ini sepenuhnya dipersembahkan oleh golongan lelaki kerana memang pada awalnya permainan Wau juga turut dimainkan oleh kebanyakannya oleh golongan lelaki. Oleh sebab itu, tarian Wau Bulan yang ditarikan oleh penari lelaki tidak menjadi masalah bagi masyarakat malahan dapat menimbulkan rasa bangga kerana terdapat golongan lelaki yang masih lagi ingin mempelajari tarian rakyat negeri ini. Hal ini adalah kerana, seperti yang kita ketahui, golongan lelaki adalah golongan yang jarang sekali menceburi bidang seni persembahan terutamanya dalam persembahan tarian. Melalui inisiatif baru ini, dapat membantu golongan lelaki untuk melatih kepercayaan diri mereka untuk berani menunjukkan diri mereka dihadapan orang ramai.

4.3 kesimpulan

Penulisan dalam bab 4 ini dapat menyimpulkan bahawa pengkaji telah berjaya melakukan kajian mengikut metodologi yang telah ditetapkan bagi mendapatkan data-data yang berkaitan. Pengkaji menemu bual informan bagi mendapatkan data primer untuk mengukuhkan lagi kajian ini agar segala maklumat dapat menjadi rujukan kepada masyarakat yang ingin menjadikan kajian ini sebagai bahan rujukan mereka.

PENUTUP

BAB 5

5.0 Kesimpulan

Penulisan projek penyelidikan ini menjadi bukti bahawa pengkaji telah berjaya menyelesaikan penyelidikannya di bawah bimbingan pensyarah. Penulisan ini ditulis bertujuan untuk menjadi bahan bukti bahawa pengkaji telah berjaya menyelesaikan proses Pendidikan dalam bidang akademik di peringkat sarjana muda. Selain daripada itu, diharapkan juga penulisan projek penyelidikan ini membantu masyarakat sekiranya mereka ingin mengetahui maklumat yang lebih lanjut berkenaan dengan tarian Wau Bulan. Penulisan ini juga dibuat bagi menjawab kepada segala soalan yang pengkaji ini kaji berkaitan dengan tajuk kajian dan setiap persoalan berikut telah pun berjaya di jawab melalui penulisan ini.

5.1 Cadangan

Setelah berjaya menyelesaikan kajian in, pengkaji dapat mengemukakan beberapa cadangan yang boleh diketengahkan bagi tujuan untuk memartabatkan lagi penulisan ini terutamanya dalam bidang seni persembahan. Setiap cadangan yang diberikan oleh pengkaji diharapkan dapat membantu beberapa pihak untuk terus maju memperkenalkan seni persembahan kita di mana jua.

5.1.1 INDIVIDU

Cadangan bagi individu ialah kajian ini sebagai salah satu bukti bahawa pengkaji telah berjaya menyelesaikan pengajian dalam peringkat Sarjana Muda. Pengkaji juga berharap agar penulisan Projek Penyelidikan

ini dapat membantu masyarakat di luar sana agar terus mengkaji dan mendalami ilmu dalam bidang seni persembahan. Penulisan Projek Penyelidikan ini juga telah berjaya melatih diri pengkaji untuk menjadi seseorang yang bertanggungjawab dan bekerja keras untuk menyelesaikan sesuatu tugas walaupun terdapat banyak cabaran dan halangan yang dihadapi semasa menyelesaikan penulisan ini. Hal ini juga dapat melatih mental dan fizikal pengkaji untuk terus berfikiran positif dan bijak dalam berfikir.

5.1.2 MASYARAKAT

Cadangan bagi masyarakat ialah, dapat menjadikan penulisan projek penyelidikan ini sebagai bahan rujukan kepada mereka yang ingin melakukan kajian berkaitan dengan seni persembahan terutamanya mengenai tarian Wau Bulan. Pengkaji berharap agar penulisan ini dapat membantu untuk menjawab segala persoalan yang ingin diketahui oleh masyarakat di masa hadapan nanti. Selain itu, penulisan ini mampu dijadikan sebagai bahan pembelajaran kepada pihak luar dalam memperkenalkan seni warisan dan budaya negara kita dan menarik minat masyarakat untuk lebih mendalami bidang seni persembahan. Seperti yang kita ketahui, pelapis muda dalam bidang seni persembahan di negara kita semakin lama semakin berkurangan sehingga menyebabkan kurangnya bahan rujukan berkaitan dengan seni persembahan. Oleh itu, diharapkan agar penulisan projek penyelidikan ini sedikit sebanyak dapat membantu masyarakat yang sedang berusaha untuk memartabatkan bidang seni persembahan di negara kita di masa hadapan nanti.

5.1.3 UNIVERSITI

Cadangan bagi pihak Universiti ialah, dapat menjadikan penulisan projek penyelidikan ini sebagai salah satu bahan bacaan Pustaka bagi menambahkan lagi bahan bacaan di Universiti. Selain itu, diharapkan juga penulisan ini mampu membantu pelajar-pelajar yang melakukan penulisan projek penyelidikan sebagai bahan rujukan sekiranya ingin mengetahui lebih lanjut berkaitan dengan format penulisan. Penulisan projek penyelidikan ini diharapkan juga mampu membantu pelajar untuk dijadikan sebagai bahan rujukan sekiranya ada di antara mereka yang ingin melakukan penyelidikan berkaitan dengan seni persembahan terutamanya dari segi persembahan tarian.

5.1.4 KERAJAAN

Cadangan daripada pengkaji yang boleh di ketengah dari segi pihak kerajaan ialah, usaha Pihak Kerajaan dalam pendidikan agar mampu memberikan pendedahan awal kepada pelajar mengenai Seni persembahan melalui subjek Kokurikulum. Melalui subjek Kokurikulum ini kita dapat menarik bakat-bakat generasi muda yang berpotensi untuk menjadi pelapis-pelapis muda dalam memartabatkan lagi seni persembahan di negara kita ini.

Seterusnya, cadangan yang kedua ialah daripada pihak kerajaan melalui kementerian Pelancongan agar mempergiatkan program-program seni, serta pergiatkan bengkel-bengkel mengenai seni persembahan terutamanya bahagia tarian bagi menarik minat para pelancong yang

datang ke negara kita untuk mengetahui dan mempelajari budaya dan warisan negara kita dengan harapan para pelancong tersebut dapat memperkenalkan budaya dan warisan negara kita di tempat mereka. Melalui kaedah ini, kita dapat memperluaskan lagi budaya dan warisan negara kita agar terus dikenali oleh seluruh masyarakat tidak kira di dalam mahupun luar negara.

Akhir sekali, cadangan melalui media sosial dengan memaparkan dan mempromosikan seni persembahan melalui aplikasi-aplikasi dan dokumentari secara atas talian. Melalui kaedah ini. Masyarakat dapat menikmati seni persembahan dengan mudah tanpa mengeluarkan kos yang banyak ataupun tenaga bagi melihat seni persembahan yang terdapat dalam negara kita.